




Ahli Sunah Waljamaah Pilihan atau Kewajipan?

Mohd Nizam Sahad

Profesor Madya di Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu
Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia





Dalam pengajian akidah Islam, khususnya yang berkaitan dengan mazhab akidah seperti yang dinukilkan dalam *al-Farq baina al-Firq* karya Imam al-Baghdadi dan *al-Milal wa al-Nihal* karya Imam al-Syahrastani terdapat pelbagai aliran akidah dalam sejarah perkembangannya. Antara yang masyhur dalam lipatan sejarah tersebut termasuklah mazhab seperti Syiah, Khawarij, Muktazilah, Qadariyyah, Jabbariyah dan Ahli Sunah Waljamaah.

Bagi sebuah negara yang majoriti rakyatnya beragama Islam, terdapat pecahan dan peratusan penganutnya yang berpegang pada aliran akidah yang berbeza-beza. Sebagai contoh di negara Iran, majoriti rakyatnya berpegang pada aliran Syiah, manakala di Mesir majoriti rakyatnya berpegang pada aliran Sunni. Bagi Malaysia pula, mazhab atau aliran akidah yang dipegang oleh majoriti rakyatnya yang beragama Islam ialah Ahli Sunah Waljamaah.

Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan bahawa Islam adalah agama Persekutuan. Namun begitu, perlembagaan tidak menyebut secara spesifik bahawa Ahli Sunah Waljamaah sebagai aliran fahamannya. Sungguhpun sedemikian, badan yang berautoriti dalam persoalan agama Islam di Malaysia, iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah pun mengiktiraf pegangan Ahli Sunah Waljamaah dan mendefinisikannya sebagai “golongan yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan sunah Nabi Muhammad SAW menerusi para sahabat, tabiin dan tabi tabiin yang setia bersama-sama mereka dalam prinsip akidah, syariah dan akhlak.”

Definisi tersebut membawa maksud bahawa sesiapa sahaja yang berpegang teguh pada ajaran al-Quran dan sunah Nabi Muhammad SAW, serta mengikut manhaj salaf dan khalaf dianggap sebagai kelompok Ahli Sunah Waljamaah. Persoalan yang timbul di sini ialah mengapakah dengan kewujudan pelbagai mazhab dan aliran akidah dalam sejarah panjang perkembangan akidah Islam, Malaysia memilih untuk mengikuti fahaman akidah Ahli Sunah Waljamaah? Persoalan juga timbul apakah juga Malaysia menerima kepelbagaian mazhab akidah di negara ini?

Maksud akidah Ahli Sunah Waljamaah

Bagi memahami isu yang ditimbulkan ini, kita wajar menelusuri dan memahami siapakah kelompok Ahli

Sunah Waljamaah. Hanya melalui pengetahuan dan pemahaman yang sebenar akan membawa kita mengetahui kedudukan sebenar aliran Ahli Sunah Waljamaah dalam agama Islam. Sebaliknya, jika kita gagal memahami maksud Ahli Sunah Waljamaah, maka kemungkinan besar kita akan jauh tersasar apabila menghukum pegangan seseorang, dan akan menyebabkan kita terpedaya dalam dunia pemikiran yang liberal dan idea baharu yang merosakkan ketulenan ajaran Islam.

Istilah Ahli Sunah Waljamaah bukanlah nama sebuah kumpulan politik atau *firq* yang diasaskan oleh ulama. Sebaliknya, istilah ini berpunca dan bersandarkan kepada nas syarak. Secara umumnya, rangkaian kata “Ahli Sunah Waljamaah” dapat dibahagikan kepada *Ahl al-Sunnah*, dan *al-Jama’ah*.

Bagi istilah sunah, Rasulullah SAW pernah mengungkapkannya dengan makna wahyu, iaitu selain daripada al-Quran yang menjadi sumber rujukan utama. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku tinggalkan buat kalian (dua perkara) selagi kalian berpegang pada kedua-duanya, maka kalian tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu Kitabullah dan sunah nabi-Nya.” (Hadis riwayat al-Baihaqi).

Istilah sunah juga digunakan untuk merujuk perkara yang mempunyai dalil syarak, sama ada daripada al-Quran mahupun sunah Rasulullah SAW, serta ijihad para sahabat. Antaranya termasuklah sabda Baginda yang bermaksud, “Hendaklah kamu mengikuti sunahku dan sunah khulafa’ al-rashidin al-mahdiyyin.” (Hadis riwayat al-Tirmidzi)

Di samping itu, perkataan sunah diucapkan oleh Rasulullah SAW juga bagi menyerlahkan maksud lawan kepada bidaah yang dilarang. Antaranya termasuklah hadis yang menegah tiga orang sahabat yang berhasrat untuk bersolat sepanjang malam, berpuasa sepanjang tahun dan menegah diri daripada berkahwin. Baginda bersabda kepada mereka yang bermaksud, “Demi Allah, sesungguhnya



aku orang yang paling takut kepada Allah dalam kalangan kamu, paling bertakwa dalam kalangan kamu kepada-Nya, namun begitu, aku berpuasa dan berbuka, bersolat dan tidur dan mengahwini wanita. Maka sesiapa yang membenci sunahku, dia bukan daripada kalanganku.” (Hadis riwayat al-Bukhari).

Berpandukan keterangan tersebut, jelaslah ungkapan sunah bukan istilah yang datang kemudian, sebaliknya bersumberkan lisan Rasulullah SAW sendiri. Apabila digabungkan dengan perkataan ahli, maka istilah ini membawa maksud mereka yang berpegang dan mendukung sunah Nabi Muhammad SAW dalam segenap aspek kehidupan sama ada yang berbentuk suruhan atau larangan Baginda yang termaktub dalam al-Quran mahupun hadis yang sahih.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Dan apa-apa jua perintah yang dibawa oleh rasul Allah kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa-apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya, dan bertakwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang yang melanggar perintah-Nya).” (*Surah al-Hasyr* 59:7).

Istilah *al-Jama'ah* pula sering kali digunakan oleh Rasulullah SAW dalam hadis Baginda. Hadis yang paling masyhur ialah sabda Baginda yang bermaksud, “Dan sesungguhnya umat ini akan berpecah kepada 73 golongan (mengikut hawa nafsu), semuanya di dalam neraka kecuali satu, iaitu *al-Jama'ah*.” (Hadis riwayat Ibn Majah).

Al-Syatibi mentakrifkan perkataan Jamaah sebagai sekumpulan sahabat tetapi tidak termasuk generasi sesudahnya. Kumpulan sahabat ini ialah golongan yang menegakkan dan mengukuhkan agama, serta tidak melakukan kesesatan. Ibn Hajar al-'Asqalani mendefinisikan perkataan *al-Jama'ah* dengan lebih luas yang merangkumi di dalam pengertiannya ahli fiqah dan ahli hadis dalam kalangan mujtahidin. Ibn Athir pula mentakrifkan perkataan *al-Jama'ah* sebagai satu kelompok manusia yang besar, iaitu kumpulan manusia yang kebanyakannya bersepakat dalam mentaati pemerintah dan mengikut jalan yang lurus. K.H Sirajuddin Abbas pula mendefinisikan *al-Jama'ah* sebagai penganut iktikad seperti iktikad atau kepercayaan sahabat Nabi Muhammad SAW yang berhubungan dengan hal-hal ketuhanan, kenabian dan keakhiratan. Golongan yang termasuk dalam istilah *al-Jama'ah* itu juga ialah para tabiin, tabi tabiin dan

“Dan sesungguhnya umat ini akan berpecah kepada 73 golongan (mengikut hawa nafsu), semuanya di dalam neraka kecuali satu, iaitu *al-Jama'ah*.”
(Hadis riwayat Ibn Majah)

orang Islam yang mewarisi Islam menurut cara dan pendekatan mereka itu.

Oleh hal yang demikian, perkataan *al-Jama'ah* dapatlah disimpulkan secara umumnya sebagai sekumpulan besar umat Islam yang bersepakat untuk mentaati dan menuruti jejak pemerintah yang adil meliputi para sahabat, tabiin, tabi tabiin dan seluruh umat Islam yang terdiri daripada ahli ilmu dan ijtihad.

Berdasarkan perbincangan tersebut, dapat disimpulkan bahawa Ahli Sunah Waljamaah bermaksud ahli atau golongan yang berpegang pada sunah Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan mereka yang mengikut mereka, serta berjalan mengikut perjalanan mereka dari sudut akidah, ucapan dan amalan. Mereka juga sentiasa tekal dalam mengikut sunah dan menjauhi bidaah hingga hari kiamat kelak.

Mengapakah menjadi pilihan di Malaysia?

Mazhab yang dianuti oleh umat Islam di Malaysia umumnya ialah mazhab akidah Asya'irah di bawah payung besar akidah Ahli Sunah Waljamaah. Mazhab ini menjadi pilihan bukanlah dipilih tanpa sebab, tetapi mazhab ini telah bertapak di Tanah Melayu melalui susur galur sejarahnya yang panjang di Alam Melayu. Dalam erti kata lain, sejarah kemasukan fahaman akidah Asya'irah ini melalui ulama silam yang meninggalkan karya besar seperti *Aqidah al-Najin*, *Umm al-Barahim*, dan sebagainya, khususnya melalui pendekatan Sifat 20.

Di samping itu, Ahli Sunah Waljamaah menjadi pilihan kerana fahaman kesederhanaan yang ada padanya. Fahaman ini tidak ekstrem dan tidak pula terlalu longgar. Malah, fahaman ini membentuk



pemikiran penganutnya berteraskan wahyu yang sahih sehingga wujud keadilan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat.

Mengambil contoh dalam persoalan pelaku dosa besar, Ahli Sunah Waljamaah tidak semudahnya menuduh seseorang itu sesat dan kafir. Sebaliknya, golongan Khawarij sewenang-wenangnya menuduh seorang pelaku dosa besar sebagai kafir dan terkeluar daripada garis iman sebagai seorang Muslim. Golongan Murjiah pula berfahaman agak longgar bahawa perbuatan dosa dan maksiat yang dilakukan oleh seorang Muslim tidak memberikan kesan terhadap keyakinannya.

Fahaman kesederhanaan Ahli Sunah Waljamaah inilah yang wajar dipertahankan dalam konteks negara Malaysia. Apatah lagi dengan kepelbagaian kaum dan agama yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik. Budaya takfiri atau budaya mengkafirkan yang tidak berteraskan sikap kesederhanaan dan keadilan wajar dibanteras bagi mengelakkan konflik yang boleh mencetuskan kekacauan dan peperangan.

Sebagai rumusnya, fahaman Ahli Sunah Waljamaah yang menjadi teras di Malaysia perlu dipertahankan kerana melalui fahaman ini umat akan bersatu padu untuk menegakkan ajaran Islam yang meliputi aspek akidah, syariah dan akhlak. Fahaman ini juga bukanlah mazhab atau cabang akidah semata-mata, tetapi pada hakikatnya Ahli Sunah Waljamaah tertegak daripada nas-nas syarak yang wajib kita ikuti. Pendekatan atau manhajnya diyakini bersumberkan daripada Nabi SAW, para sahabat, tabiin dan tabi tabiin yang lebih selamat membawa kita menuju keredaan Allah SWT dalam aspek akidah, syariah dan akhlak.

Oleh sebab itu, jika kita mengatakan bahawa kita daripada kelompok Ahli Sunah Waljamaah, maka ikutilah ajaran Islam secara lengkap dengan bersumberkan wahyu yang sahih daripada al-Quran dan sunah. Usah kita memisahkan komponen Islam dengan hanya berkata kita mengikut Ahli Sunah Waljamaah dari sudut akidah, tetapi dari sudut adab dan akhlak kita terpesong jauh daripada fahaman ini dengan membawa pandangan dan pemikiran yang memecahbelahkan umat. Bersatu padulah dan jangan berpecah belah. Bukankah itu slogan yang secocok dengan Ahli Sunah Waljamaah? Bukankah itu lebih baik untuk jaminan keamanan di bumi yang kita cintai ini. Hiduplah dengan berkasih sayang sesama



Islam hendaklah dihayati secara menyeluruh dari aspek akidah, syariah dan akhlak berdasarkan ajaran al-Quran dan hadis yang sahih.

manusia dengan berteraskan fahaman Ahli Sunah Waljamaah yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW.

Berhubung dengan persoalan untuk mengikut fahaman selain daripada Ahli Sunah Waljamaah, Hal ini mengundang beberapa pandangan. Walaupun para ulama tidak mengatakan ajaran dan fahaman selain Ahli Sunah Waljamaah sebagai kafir atau terkeluar daripada Islam secara mutlak, namun tidak bermakna syarak membenarkan ajaran yang bertentangan tersebut untuk dianuti. Dalam soal akidah, sewajarnya kita mengambil langkah berhati-hati kerana kemudahan pada aspek akidah jauh lebih besar berbanding dengan kemaksiatan amalan kerana aspek akidah menyentuh soal iktikad dan keyakinan seseorang. Hal ini akan mengakibatkan seseorang terjerumus ke lembah kekufuran dan kesyirikan. Seperti yang kita ketahui, dosa kesyirikan tidak akan diampunkan oleh Allah SWT melainkan jika bertaubat.

Tambahan pula, jika kita tersalah memilih fahaman atau aliran lain, maka hal ini berupaya mencetuskan pelbagai implikasi lain, seperti merebaknya fahaman fanatik ekstremis, liberalisme, tuduhan mengkafirkan, perpecahan sehingga mencetuskan peperangan. Oleh itu, amat wajar kita memahami persoalan Ahli Sunah Waljamaah ini dan sentiasa berpegang teguh dan mempertahankan pegangan Ahli Sunah Waljamaah di Malaysia. Secara tuntasnya, mempertahankan fahaman ini menjadi kewajipan untuk kita dan bukan lagi pilihan. Semoga dengan berpegang teguh pada ajaran yang sebenar ini hidup kita selamat di dunia dan juga di akhirat. **DTI**